

22/10/1999

Guru perlu jujur berkhidmat: PM

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

JITRA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta segelintir guru yang menyokong pembangkang supaya menghentikan tindakan mereka menfitnah kerajaan, sebaliknya melaksanakan tanggungjawab mereka menyampaikan ilmu.

Perdana Menteri kesal kerana guru-guru terbabit tidak berani menyatakan pendirian politik mereka tetapi terus memfitnah dan menghasut pelajar membenci kerajaan.

Bagaimanapun, beliau percaya sebahagian besar guru berkhidmat secara jujur dan ikhlas.

Beliau berkata, kegagalan menyampaikan ilmu tetapi pada masa yang sama menghasut pelajar membenci kerajaan adalah suatu pengkhianatan terhadap proses memperkembangkan ilmu kepada pelajar.

Justeru, Dr Mahathir meminta guru yang berpendapat kononnya kerajaan dan pemimpinnya tidak menjalankan tugas secara ikhlas, tampil menyatakan pendirian secara terbuka.

"Mereka (harus) tampil secara berani dan menyatakan `kami adalah penghasut dan kami tidak menyampaikan pelajaran dan kami ingin menghasut supaya anak-anak bencikan kerajaan kerana kami mempunyai niat politik tertentu'.

"Tetapi saya dapati guru jenis ini adalah pengecut. Secara senyap menghasut sambil makan gaji daripada kerajaan... menggunakan masa untuk menghasut.

"Kepada guru-guru ini saya seru hentikan fitnah dan jalankan tugas kerana kamu mengkhianati bangsa sendiri dan tidak menyampaikan ilmu, sebaliknya menimbulkan rasa kebencian di kalangan anak kita.

"Lebih baik lagi mereka terang-terang datang mengadap dan berkata inilah pendapat kami (tidak menyokong kerajaan) daripada menghasut anak-anak supaya benci kerajaan dengan melemparkan fitnah yang tidak berasas sama sekali," katanya.

Dr Mahathir berucap pada majlis pecah tanah empat projek pembinaan sekolah di Paya Kemunting, di sini hari ini.

Projek pembinaan empat sekolah bernilai RM36.9 juta oleh Kementerian Pendidikan itu diserahkan kepada Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) cawangan Kedah. Ia adalah antara 40 sekolah baru yang dibina di seluruh negara bernilai lebih RM1 bilion.

Sekolah itu ialah Sekolah Menengah Paya Kemunting, Sekolah Menengah Pinang Tunggal, Sekolah Kebangsaan Sungai Lalang dan Sekolah Kebangsaan Sungai Pasir Kecil.

Perdana Menteri bimbang kegiatan guru terbabit menghalang pelajar daripada mendapat ilmu dan menyukarkan mereka bersaing dengan perkembangan pesat dunia, sekali gus mendedahkan mereka kepada penindasan serta mungkin dipengaruhi kuasa asing.

Beliau juga berkata, kerajaan akan terus membantu kontraktor Bumiputera dengan memberikan kontrak pembinaan infrastruktur seperti jalan, sekolah, klinik dan seumpamanya walaupun ia dituduh mengamalkan kronisme.

Katanya, bantuan itu perlu kerana kontraktor Bumiputera paling tertekan akibat kegawatan ekonomi, berbanding kontraktor kaum lain yang mampu melaksanakan projek besar kerana memiliki dana kukuh.

(END)